

## **BAB 6**

# **KESIMPULAN**

## **6.0 KESIMPULAN**

Jepun maju dari segi pembangunan sains teknologi dan ekonomi, namun masyarakat Jepun masih lagi kuat berpegang kepada budaya tradisinya yang telah diwarisi sejak zaman berzaman. Dengan erti kata lainnya, masyarakat Jepun mengamalkan cara hidup integrasi iaitu gabungan antara budaya moden dan budaya tradisi. Inilah keunikan Tamadun Jepun yang mana keunikannya ini merupakan identiti Tamadun Jepun. Apabila membincangkan identiti Tamadun Jepun, sudah pastinya kita tidak dapat menafikan peranan yang telah dimainkan oleh Tamadun China. Kemasukan pengaruh China ke dalam lingkungan Tamadun Jepun adalah hasil daripada proses interaksi antara kedua-duanya, bertepatan dengan tajuk kajian ini, "*Interaksi China-Jepun: Pembentukan Identiti Peradaban Jepun*".

Interaksi peradaban yang berlaku antara China dan Jepun berlaku melalui dua tahap yang utama. Iaitu tahap pertama, Jepun menerima idea-idea Tamadun China melalui Korea. Manakala pada tahap kedua pula, Jepun berinteraksi dengan China secara langsung tanpa perantaraan daripada Korea sebagaimana interaksi pada tahap pertama. Dengan adanya arah aliran sedemikian, jelaslah menunjukkan bahawa Jepun amat berminat untuk menerima kemasukan pengaruh China dalam matlamatnya untuk mencapai sebagai sebuah negara yang bertamadun. Kita dapat melihat bagaimana Jepun amat berminat dengan China kerana pada masa itu China merupakan sebuah negara yang maju dari segi kebudayaan dan teknologi. Dengan ini jelas

kelihatan bahawa Jepun bercita-cita untuk menjadi sebuah negara maju seperti China. Malah apa yang dapat kita simpulkan di sini ialah Jepun ketika itu sudah mempunyai pandangan positif terhadap proses interaksi. Sebagai natijahnya, Tamadun Jepun yang kita saksikan pada hari ini sememangnya merupakan salah satu tamadun yang mempunyai jati diri yang kukuh.

Sebagaimana yang telah dibuktikan oleh para arkeologi, interaksi antara China dan Jepun berlaku sejak zaman pra-sejarah lagi iaitu pada zaman Yayoi. Namun interaksi tersebut berlaku dalam keadaan yang amat terbatas yang mana pengaruh China pada ketika itu hanya dapat dilihat melalui budaya penanaman padi, penggunaan barang logam, wujudnya budaya makam (*tombs culture*) dan juga dasar peluasan kuasa oleh kerajaan Yamato yang memerintah Jepun ketika itu. Namun apa penting disini ialah walaupun pengaruh China ke atas Jepun pada peringkat ini tidak begitu menyeluruh, tetapi ianya merupakan faktor terpenting dalam membawa Jepun kepada perkembangan yang seterusnya. Interaksi pada zaman Yayoi ini merupakan pencetus kepada interaksi yang berlaku selepasnya.

Seterusnya interaksi perdaban antara China dan Jepun telah melalui tahap yang membanggakan ekoran daripada kemasukan ajaran agama Buddha ke Jepun. Agama Buddha mula memasuki alam Tamadun Jepun pada abad ke-6 dan yang pentingnya kemasukan agama Buddha ke Jepun telah mendapat sokongan daripada pihak istana ketika itu. Apabila menyatakan kemasukan

agama Buddha mendapat sokongan daripada pihak istana, maka sudah semestinya peranan seorang individu iaitu Putera Shotoku (572-621 T.M.) tidak boleh dipertikaikan. Memandangkan beliau mempunyai kedudukan yang tinggi ketika itu iaitu sebagai penasihat kepada Maharanai Suiko (pemerintah Jepun), maka sudah pastinya beliau menggunakan kedudukannya itu untuk meluaskan pengaruh China di Jepun. Dan yang pastinya matlamat beliau itu tercapai yang mana agama Buddha ketika itu telah mencapai tahap kegemilangan yang mana pengaruh agama Buddha telah meresapi hampir keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Jepun. Walaupun terdapat reaksi yang negatif pada peringkat awal kemasukan agama Buddha, namun reaksi ini tidak berlanjutan sehingga mendatangkan konflik yang hebat. Agama Buddha akhirnya diterima secara terbuka oleh masyarakat Jepun yang mana ianya bukan sahaja mempunyai pengaruh yang kuat dari aspek ajaran agamanya sahaja, malah ianya telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran masyarakat Jepun, nilai moral dan etika, ‘world-view’ atau pandangan semesta mereka, kebudayaan, kesusasteraan, kesenian dan sebagainya. Dengan erti kata lainnya, agama Buddha telah mendominasi keseluruhan hidup masyarakat Jepun.

Antara faktor yang menyebabkan agama Buddha begitu meluas pengaruhnya ialah kerana sifat toleransi yang ada pada agama Buddha itu sendiri. Agama Buddha telah membuktikan di negara-negara Asia yang lain bahawa ianya boleh bertoleransi dengan agama pribumi di negara-negara yang

bukan tempat asal kewujudannya. Di Jepun umpamanya, agama Buddha telah berjaya mengasimilasikan dirinya dengan agama pribumi Jepun iaitu *Shinto* dan keadaan ini terus kekal sehingga ke hari ini. Ini dapat dibuktikan apabila ada upacara kematian yang mana masyarakat Jepun masih lagi mengunjungi kuil-kuil Buddha untuk menjalankan upacara kemataian. Malah pada zaman moden ini, orang Jepun masih lagi menyediakan tempat pemujaan agama Buddha di setiap rumah mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh Buddha masih kuat diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat Jepun. Memandangkan agama Buddha mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan masyarakat Jepun serta ajarannya masih lagi diperaktikkan dengan harmoni, maka jelas terbukti bahawa idea-idea dari Tamadun China telah membentuk identiti Peradaban Jepun.

Melalui ajaran mazhab Zen Buddhisme yang menekankan aspek kematian, maka secara tidak langsung agama Buddha juga telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran masyarakat Jepun. Sebelum kemasukan agama Buddha ke Jepun pada abad ke-6, pemikiran masyarakat Jepun tidak mengetahui tentang kematian. Maka agama Buddha telah memberi ajaran yang baru dan seterusnya ajaran tersebut telah mempengaruhi pemikiran rakyat Jepun.

Pengaruh idea-idea dari Tamadun China melalui moral dan etika masyarakat Jepun telah didominasi oleh ajaran Confucian. Melalui prinsip lima perkara yang menekankan hubungan sesama manusia, masyarakat Jepun telah berjaya dibentuk sebagai satu bangsa yang berdisiplin, taat kepada pemerintah, sayangkan negara, cintakan keamanan dan sebagainya. Sesungguhnya, ajaran Confucian telah berjaya menerapkan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat Jepun. Dengan itu, tidak hairanlah sekiranya kita melihat bagaimana negara Jepun mampu menjadi negara maju. Ini kerana rakyatnya mempunyai semangat bersatu padu yang tinggi, patuh kepada segala arahan pihak pemerintah serta berdisiplin dalam menjalani kehidupan seharian. Keadaan yang sedemikian rupa dapat menjadikan Jepun sebagai sebuah negara yang stabil dan makmur dan seterusnya segala pembangunan dapat dilaksanakan mengikut apa yang dirancang. Inilah yang perlu dijadikan panduan bagi negara-negara lain di dunia ini khususnya Malaysia dalam menuju negara maju menjelang abad ke-21.

Demikianlah serba sedikit rumusan yang berkaitan dengan pengaruh Tamadun China di Jepun. Selain daripada kesan-kesan yang telah diuraikan tersebut, terdapat beberapa aspek lain yang telah menerima pengaruh China sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini. Namun dalam membincangkan pengaruh Tamadun China yang telah membentuk identiti Tamadun Jepun, kita tidak boleh menolak kenyataan bahawa Jepun juga mempunyai identitinya yang tersendiri. Identiti tersebut telah dipraktikkan dan

diwarisi sejak zaman datuk nenek moyang mereka dan ianya terus kekal sehingga ke hari ini. Antaranya ialah agama pribumi masyarakat Jepun iaitu Shinto.

Shinto yang pada asalnya merupakan sistem kepercayaan animisme, mempunyai pelbagai falsafah yang terselindung di sebaliknya. Menurut agama Shinto, roh datuk nenek mereka yang telah meninggal dunia akan menetap di sekeliling mereka. Oleh itu mereka amat men hormati alam sekitar kerana menurut mereka alam sekitar tidak boleh dirosakkan kerana ianya akan mendatangkan kemarahan kepada roh datuk nenek mereka yang telah meninggal dunia. Kerana itu kita dapat melihat bagaimana Jepun amat menitik beratkan penjagaan alam semula jadi sehingga jika berada di Jepun, kita akan sentiasa merasa tenang dan damai kerana dikelilingi oleh alam flora yang indah dijaga rapi. Sikap mementingkan penjagaan alam sekitar merupakan pengaruh dari ajaran Shinto. Walaupun Jepun merupakan sebuah negara yang maju dan giat menjalankan aktiviti perindustrian, namun alam sekitar mereka tetap terpelihara. Ini adalah disebabkan oleh masyarakat Jepun masih lagi berpegang teguh kepada ajaran agamanya walaupun dibawa arus pemodenan. Sikap seperti inilah yang perlu dijadikan panduan kepada peradaban-peradaban lain di dunia ini khususnya Malaysia dalam merealisasikan aspirasi Wawasan 2020. Kita tidak mahu pembangunan yang dicapai pada ketika itu bersifat berat sebelah yang mana hanya pembangunan fizikal sahaja diberi

perhatian sedangkan pembangunan spiritual merupakan elemen terpenting yang perlu dibangunkan.

Sebenarnya jika diteliti secara mendalam, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa terdapat beberapa faktor penting yang mengukuhkan identiti Tamadun Jepun. Antaranya ialah sifat agama Shinto itu sendiri yang mempunyai pelbagai pengajaran serta didikan yang sempurna. Malah perlu diingatkan bahawa agama Shinto telah memainkan faktor utama dalam kebangkitan Jepun semasa Perang Dunia II yang mana sekolah-sekolah di Jepun telah menjadikan Shinto sebagai mata pelajaran kenegaraan yang akhirnya mencetus semangat patriotik yang tinggi dalam diri masyarakatnya. Namun apa yang lebih penting ialah semangat patriotik yang dicetuskan oleh agama Shinto telah membawa Jepun sebagai negara termaju di dunia.

Secara keseluruhannya, pengkaji melihat bahawa pembentukan identiti Tamadun Jepun tidak hanya bergantung kepada faktor dalaman atau luaran semata-mata. Pembentukan identiti Tamadun Jepun yang kita saksikan pada hari ini adalah hasil gabung-jalinan antara faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman yang dimaksudkan di sini ialah Jepun masih lagi mengekalkan keunikan elemen-elemen yang terdapat dalam lingkungan tamadunnya. Pada masa yang sama juga, Jepun perlu mengambil idea-idea dari Tamadun China untuk memperkayakan lagi identiti tamadunnya. Dan yang penting sekali Jepun berjaya mengasimilasikan Tamadun China ke dalam kerangka

estetikanya sendiri lalu dipadankan secara harmoni untuk keperluan masyarakatnya.

Memandangkan interaksi antara China dan Jepun berlaku pada zaman pra-kolonial, kajian ini jelas membuktikan bahawa interaksi peradaban pada zaman pra-kolonial lebih membawa kesan positif berbanding kesan negatif. Ini kerana interaksi yang berlaku pada zaman tersebut tidak mempunyai perasaan ingin mendominasi ke atas pihak lain sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Tamadun China. China pada ketika itu merupakan sebuah kuasa yang kuat dan agong, namun tidak menunjukkan perasaan ingin mendominasi. Tamadun China telah berjaya membuktikan bahawa interaksi antara peradaban mampu mempamerkan nilai perikemanusiaan dan nilai etika yang tinggi.

Interaksi yang berlaku antara China dan Jepun ini juga jelas membuktikan bahawa tiada peradaban di dalam dunia ini yang bersifat eksklusif. Penerimaan unsur-unsur dari luar melalui proses interaksi adalah merupakan sesuatu yang lazim dalam semua peradaban di dunia dalam membina identiti tamadunnya. Buktinya Jepun yang sering dianggap sebagai tamadun yang eksklusif, namun hakikatnya, negara Jepun juga telah menerima unsur-unsur dari luar dalam membentuk identitinya. Sikap sedemikian berterusan sehingga ke hari ini yang mana jika pada zaman pra-kolonial, Jepun berinteraksi dengan China dalam membentuk identitinya, pada

zaman kontemporari pula, Jepun berinteraksi dengan kuasa Barat khususnya Amerika Syarikat untuk mendapatkan maklumat serta teknologi terkini terutamanya dalam bidang teknologi maklumat, sains dan teknologi serta ekonomi. Tidak dapat dinafikan bahawa bidang-bidang tersebut turut mencerminkan identiti Tamadun Jepun pada zaman moden ini. Namun interaksi yang diamalkan oleh Jepun dengan Barat pada zaman moden ini lebih bersikap berhati-hati sebagaimana falsafah yang dipegang oleh pemimpin mereka iaitu;

***“Western In Technologies, Japanese In Spirit.”***

Inilah kekuatan Tamadun Jepun yang perlu dijadikan panduan dan pedoman bagi negara Malaysia khususnya dalam menjayakan hasrat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad melalui aspirasi negara Wawasan 2020. Kita mahu Malaysia maju dari segi teknologi maklumat, ekonomi dan sains teknologi, tetapi pada masa yang sama juga mampu menjadi sebuah negara yang masih mengekalkan budaya tradisi yang menjadi khazanah peninggalan zaman silam datuk nenek moyang kita. Ini telah dibuktikan oleh Tamadun Jepun sama ada semasa zaman pra-kolonial dan juga zaman pasca-kolonial.

Kesimpulannya, proses interaksi antara peradaban boleh membawa kesan positif sekiranya tamadun yang terlibat dalam proses interaksi tersebut mengamalkan sifat toleransi antara satu sama lain. Dan yang penting sekali, apabila terlibat dalam proses interaksi ini, sesuatu tamadun yang mempunyai kedudukan yang tinggi atau tamadun yang ‘superior’ tidak boleh bermatlamat untuk menguasai tamadun yang lemah iaitu tamadun yang ‘inferior’. Buktinya China, walaupun pada ketika itu China merupakan sebuah tamadun yang ‘superior’ tetapi China tidak mahu menakluk Jepun. Malah Jepun bebas mengamalkan budaya tradisi mereka yang telah mereka warisi sekitan lama. Kesimpulannya untuk menjadikan sesuatu proses interaksi peradaban itu boleh membawa kesan positif atau sebaliknya adalah terletak pada tangan individu yang terlibat di dalam proses tersebut. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, proses interaksi antara peradaban sebenarnya tidak wujud. Namun realitinya ialah interaksi yang berlaku itu adalah terdiri di kalangan individu-individu tertentu yang merupakan peserta utama dalam proses interaksi peradaban.

Harapan pengkaji semoga selepas ini akan terdapat pula kajian-kajian yang mengkhusus kepada proses interaksi peradaban zaman pra-kolonial secara lebih mendalam. Kajian seperti ini amat penting supaya dapat menjadi panduan kepada para penulis yang berminat untuk mengkajinya. Selanjutnya, diharapkan supaya ada usaha pihak-pihak tertentu untuk menterjemahkan bahan-bahan bacaan ilmiah yang banyak diimport dari luar negara, khususnya

dalam bidang peradaban Jepun. Kekurangan bahan bacaan dalam Bahasa Melayu perlu diisi segera agar dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang berminat serta cintakan ilmu.

Di harapkan juga kajian ini dapat membuka mata sesetengah pihak terutamanya kuasa-kuasa besar dunia pada hari ini supaya kembali semula kepada pengalaman sejarah silam. Dan harapan pengkaji semoga kajian ini mampu memberi sedikit sumbangan kepada pembangunan negara Malaysia khususnya dalam menongkah arus pemodenan dan globalisasi menjelang alaf baru. Peradaban yang tidak menerima konsep interaksi merupakan peradaban yang jumud, sebagaimana pendapat seorang sarjana yang menyatakan bahawa;

*“without contact, fusion, inheritance and transmission of various different cultures, civilization would undergo no development.”*

Namun perlu diingatkan bahawa proses interaksi tersebut perlu dijalankan secara harmoni tanpa perasaan prejedis yang mengongkongnya dan perasaan dominasi yang mengigauinya.